



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM


**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENGARAH (*SUPERSCALE C*)
BAHAGIAN DASAR DAN STRATEGI SEKTOR TENAGA
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



PENGARAH

BAHAGIAN DASAR DAN STRATEGI SEKTOR TENAGA

JABATAN TENAGA

JABATAN PERDANA MENTERI

SUPERSCALE C (\$6,800 SEBULAN EB KHAS \$7,010 SEBULAN)

KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Economics / International Relations / Kejuruteraan / Law / Pengurusan dan Pentadbiran / Political Science* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- i) Telah berkhidmat di Jabatan Tenaga dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun.

2. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus "**Program Pembangunan Eksekutif**" di institusi-institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai, mengurus dan mentadbir unit-unit di bawah Bahagian Dasar dan Strategi Sektor Tenaga:
 - i. *Data Management and Analytics;*
 - ii. *Policy and Strategy; and*
 - iii. *Performance Management.*
2. Bertanggungjawab di dalam memudah cara, merangka dan memantau pelaksanaan pelan strategik Jabatan Tenaga;
3. Bertanggungjawab dalam memastikan ekosistem dasar sektor tenaga adalah di tahap memuaskan dan memenuhi kehendak semasa;
4. Memberikan khidmat nasihat dan bantuan dalam hal ehwal strategik kepada pihak pengurusan atasan di Jabatan Tenaga;
5. Pengawal kepada Pelan Strategik Jabatan Tenaga termasuk:
 - i. Memastikan kepatuhan terhadap dasar dan strategi mengikut '*Strategic Planning Cycle*'; dan
 - ii. Menyediakan '*Country Position*' berhubung isu tenaga dari aspek Kebangsaan dan Antarabangsa.
6. Mengurus dan menyenarai (inventori) seluruh dasar-dasar (*order, regulations, garis pandu* dan *directives*) di dalam sektor tenaga (Minyak, Gas dan Tenaga Kuasa); dan
7. Menyediakan cadangan-cadangan pembelaan terhadap seluruh dasar-dasar (*order, regulations, garis pandu* dan *directives*) di dalam sektor tenaga (Minyak, Gas dan Tenaga Kuasa).